



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

27 JUN 2018 / RABU

MAKLUMBALAS ISU BEKALAN AIR TERAWAT DI KUALA PENYU, SABAH

PUTRAJAYA - YB Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar dalam satu kenyataan media hari ini menjelaskan isu berkenaan bekalan air terawat yang masih belum diterima oleh penduduk di Kuala Penyu, Sabah sejak 10 tahun yang lalu yang dibangkitkan menerusi portal Free Malaysia Today pada 24 Jun 2018.

Untuk makluman, Projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) KPLB adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (sebelum ini dikenali sebagai Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri).

Secara keseluruhan sebanyak 65 buah Projek Sambungan dan Baru BALB Negeri Sabah telah diluluskan pelaksanaan dalam RMKe-11. Anggaran kos yang terlibat adalah RM1.88 billion dan ringkasan perincian status adalah seperti berikut:-

RMK10	8 projek	2 - sedia untuk ditender 1 - muktamad tender 5 - dalam pembinaan
RM11	57 projek	38 - dalam perancangan (pelantikan perunding & rekabentuk) 15 - sedia untuk ditender 2 - muktamad tender 2 - dalam pembinaan

Daripada 65 buah projek tersebut, 7 dalam pelaksanaan, 3 dalam proses memuktamad tender, 17 sedia untuk ditender dan 38 masih di peringkat rekabentuk dan lantikan perunding. Jumlah keseluruhan melibatkan 65 buah projek ini adalah RM 1.88 bilion.

Bagi Daerah Kuala Penyu, sumber air utama kawasan ini adalah daripada dua loji iaitu Loji Rawatan Air Limbawang, Beaufort dan Loji Rawatan Air Membakut. Kedua-dua loji ini juga berfungsi bagi menyediakan bekalan air di Daerah Beaufort dan Membakut. Sehubungan itu, kapasiti air yang tidak mencukupi dan tekanan air yang rendah telah menyebabkan Daerah Kuala Penyu mengalami masalah bekalan air yang kritikal dan kawasan-kawasan kampung di Daerah Kuala Penyu yang belum dibekalkan air terawat tidak dapat dilaksanakan.

Permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah melibatkan dua fasa iaitu yang pertama adalah menyelesaikan isu bekalan air di Pekan Menumbok (barat daerah Kuala Penyu) dan fasa kedua adalah bahagian timur daerah Kuala Penyu.

Bagi fasa pertama, perancangan telah dimulakan pada tahun 2015 melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Pekan Menumbok, Kuala Penyu, Sabah. Projek tersebut telah memulakan kerja-kerja di tapak pada 25 April 2018 dengan kos projek bernilai RM50 juta. Skop projek ini melibatkan naiktaraf intake dan loji rawatan air dengan tambahan kapasiti 5 JLH, pembinaan rumah pam dan paip agihan serta retikulasi sepanjang 44.8 km. Projek ini akan memberi manfaat kepada lebih kurang 1200 buah rumah di kawasan Pekan Menumbok.

Manakala fasa kedua, akan dilaksanakan melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kuala Penyu, Sabah dengan anggaran siling peruntukan RM76 juta. Skop projek ini melibatkan pembinaan stesen pam penggalak, pembinaan 3 buah tangki simpanan dan

pembinaan Loji Rawatan Air Limbawang Fasa II. Projek ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 8 buah kampung dan kawasan sekitar daerah Kuala Penyu. Status semasa adalah dalam proses lantikan perunding.

PENUTUP

YB Rina turut menjelaskan bahawa KPLB juga telah merancang Projek kecil segera bagi menyambung hujung paip di Kuala Penyu. Ia dijangka mempercepatkan penduduk luar bandar menikmati air bersih terawat dalam jangka masa pendek. Waran peruntukan sebanyak RM7.5 juta telah disalurkan bagi pelaksanaan di 15 buah kampung di daerah Kuala Penyu, akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

-TAMAT-

***Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367
Emel: ukk@rurallink.gov.my***